

Tajuk : Harga besi, keluli dan logam catat penurunan bulan lalu
Sumber : Berita Harian
Tarikh : 10 Januari 2025

Harga besi, keluli dan logam catat penurunan bulan lalu

Indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara 0.1 peratus hingga 4.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Disember 2024 berbanding bulan terdahulu, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan besi dicatatkan di Perak (-4.6 peratus), diikuti dengan Tawau (-2.3 peratus) dan Sandakan (-2.0 peratus).

Selain itu, beliau turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit keratan keluli dan logam merekodkan penurunan antara 0.3 peratus hingga 0.8 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Disember 2024 berbanding bulan sebelumnya.

"Indeks harga seunit simen pula kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Disember 2024," katanya dalam kenyataan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) yang diterbitkan oleh DOSM, semalam.

Mohd Uzir berkata, perbandingan tahunan untuk tempoh Disember 2023 dan Disember 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 2.8 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, peningkatan tertinggi indeks ini dicatatkan di Selangor, Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.8 peratus), diikuti dengan Pahang (2.7 peratus), Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Perak, masing-masing (1.5 peratus).